



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MTC ROADSHOW 2021  
SESI RAMAH MESRA, DIALOG DAN MAJLIS BERBUKA PUASA  
YB MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
DAN  
YAB KETUA MENTERI MELAKA  
BERSAMA INDUSTRI KAYU-KAYAN**

**TARIKH: 6 MEI 2021 (KHAMIS) , MASA: 5.30 PETANG  
DI HOTEL LA CRISTA, MELAKA  
(WAKIL: YB DATUK NORHIZAM BIN HASSAN BAKTEE)**

---

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia serta Salam Ramadan Al-  
Mubarak.

Terima kasih Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali,  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi;

Yang Berusaha Tuan Haji Mazli Zakuan Mohd Noor,  
Pengerusi,  
Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC);

Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Kayu-Kayan  
Malaysia (MTC);

Yang Berusaha Tuan Muhtar bin Suhaili,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC);

Warga Industri Kayu-kayan, Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin yang dihormati sekalian,

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Sesi Ramah Mesra, Dialog

dan Berbuka Puasa bersama-sama dengan industri kayu-kayan dan rakan-rakan media.

2. Diam tak diam, pada hari ini telah masuk hari yang ke-24 kita menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada kesempatan ini, masih tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Berpuasa kepada semua. Semoga amal ibadat kita sepanjang bulan Ramadan ini diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.
3. Bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka, saya mengalu-alukan kedatangan YB Dato'

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta pegawai atasan kementerian dan juga seluruh warga kerja Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan industri kayu-kayan yang sudi hadir ke Negeri Melaka.

4. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) di atas jemputan ke majlis ini dan memilih Negeri Melaka sebagai destinasi pertemuan dengan pemain-pemain industri kayu-kayan, meskipun situasi pandemik COVID-19 tidak menentu dan semakin meningkat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Tidak dinafikan industri kayu-kayan memberi sumbangan besar kepada pembangunan serta kemajuan sosio-ekonomi negara. Berdasarkan data dari Bancian Industri Perkayuan Negara 2017/2018, terdapat sejumlah 38 buah kilang kayu di Negeri Melaka. Jumlah ini menunjukkan bahawa industri kayu-kayan di Melaka juga giat dijalankan.
6. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pelabur-pelabur dan pemain industri yang kreatif dan berinovasi untuk menerokai

potensi pelaburan di Negeri Melaka dalam bidang industri berasaskan kayu khususnya industri hiliran. Kami sedia menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak yang berminat dengan tawaran insentif pelaburan yang menarik.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saat ini, negara kita masih mengharungi gelombang ketiga penularan wabak COVID-19. Melaka juga tidak terkecuali mengharungi gelombang ini sehingga menyebabkan 3 daerah di Melaka telah pun menjadi



zon merah. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak industri untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan demi memutuskan rantai pandemik COVID-19 ini.

8. Saya dimaklumkan, pihak MTC ada menyediakan video SOP untuk industri kayu-kayan dan perabot bagi mencegah COVID-19 di premis kilang masing-masing. Inisiatif ini amat penting untuk kita bersama-sama memutuskan rantai penularan COVID-19.

9. Berikutan pandemik COVID-19, ia telah mengubah tata laku perniagaan yang memerlukan satu transformasi ke arah pendigitalan. Kini, trend perniagaan yang popular dalam kalangan peniaga adalah melalui sistem dalam talian di mana para peniaga tidak perlu bertemu secara fizikal dengan para pelanggan dan ini akan melindungi masyarakat daripada wabak pandemik COVID-19.
  
10. Usaha MTC untuk membawa industri ke arah transformasi digital adalah satu inisiatif yang tepat. Ini membolehkan para pemain industri mengembangkan serta menaik taraf perniagaan

mereka secara digital sesuai dengan perubahan lanskap ekonomi.

11. Di samping itu, kita juga harus kekal memastikan pengeluaran produk kayu diperbuat daripada sumber bahan mentah yang diurus secara mampan. Amalan hijau bukan sahaja terhadap sumber bekalan malah harus diterap ke dalam setiap budaya kerja di premis kilang masing-masing bagi memelihara alam sekitar dan alam semulajadi serta mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

12. Oleh itu, marilah sama-sama kita memelihara alam sekitar agar terhindar dari sebarang pencerobohan atau pencemaran yang boleh mengundang kesan buruk demi kesejahteraan kehidupan. Amatlah penting bagi kita memastikan sumber yang ada dimanfaatkan sebaiknya bagi membolehkan generasi akan datang untuk hidup dalam persekitaran yang berkualiti.

13. Akhir kata, saya mendoakan agar industri kayu-kayan ini akan terus berkembang dengan lebih pesat sehingga menggamit tumpuan dunia. Beberapa hari sahaja lagi, Ramadan bakal melabuhkan tirainya dan Syawal pula bakal menjelma. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.

Sekian,

Dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi  
Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

terima kasih.